

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta A1217

AKTA SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2003

Tarikh Persetujuan Diraja 30 Disember 2003
Tarikh diterbitkan dalam *Warta* ... 31 Disember 2003

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta A1217****AKTA SURUHANJAYA SEKURITI (PINDAAN) 2003**

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2003.

(2) Melainkan jika dinyatakan sebaliknya, Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi mula berkuatkuasanya peruntukan yang berlainan dalam Akta ini atau berkenaan dengan golongan atau kategori orang atau sekuriti yang berlainan.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam subseksyen 2(1)—

(a) dengan memasukkan selepas takrif “berniaga sekuriti” takrif yang berikut:

‘ “buku-buku” mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983 [*Akta 280*];’;

- (b) dengan memasukkan selepas takrif “dokumen” takrif yang berikut:
- ‘ “gabungan” mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993 [Akta 499];’;
- (c) dengan memasukkan selepas takrif “orang bersekutu” takrif yang berikut:
- ‘ “organisasi peserta” mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983;’;
- (d) dengan memasukkan selepas takrif “perbadanan” takrif yang berikut:
- ‘ “peserta” mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983;’;
- (e) dengan memotong takrif “syarikat anggota”;
- (f) dengan memasukkan selepas takrif “syarikat bursa” takrif yang berikut:
- ‘ “syarikat pemegangan bursa” mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Akta Perindustrian Sekuriti 1983;’; dan
- (g) dengan memasukkan selepas takrif “syarikat pengurusan” takrif yang berikut:
- ‘ “Timbalan Ketua Eksekutif” ertinya Timbalan Ketua Eksekutif yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(aa);’.

Pindaan seksyen 2E

3. Seksyen 2E Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “dokumen” dalam nota birai dan di mana-mana jua terdapat, kecuali dalam subseksyen (3), dengan perkataan “buku”;

- (b) dengan menggantikan perkataan “dokumen-dokumen” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “buku-buku”;
- (c) dalam subseksyen (1)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “pemfailan atau penyerahsimpanan” dengan perkataan “pemfailan, penyerahsimpanan atau penyerahan”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “Akta ini” dengan perkataan “mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti”; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas perkataan “diserah simpan dengan” perkataan “atau diserahkan kepada”;
- (d) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “fi yang ditetapkan” perkataan “, jika ada,”;
- (e) dalam subseksyen (3)—
 - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen (1)” perkataan “atau mana-mana orang lain yang dibenarkan oleh Suruhanjaya”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “dokumen secara elektronik dengan Suruhanjaya” dengan perkataan “buku dengan Suruhanjaya atau menyerahkan buku kepada Suruhanjaya, secara elektronik”;
- (f) dalam subseksyen (4)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan “difailkan atau diserahkan simpan” dengan perkataan “difailkan, diserahkan simpan atau diserahkan”;
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “pemfailan atau penyerahsimpanan” dengan perkataan “pemfailan, penyerahsimpanan atau penyerahan”; dan
 - (iii) dengan menggantikan perkataan “ditetapkan oleh peraturan-peraturan atau diluluskan” dengan perkataan “ditentukan”;

- (g) dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan “difailkan atau diserahkan simpan” dengan perkataan “difailkan, diserahkan simpan atau diserahkan”;
- (h) dalam subseksyen (6)—
- (i) dengan menggantikan perkataan “difailkan atau diserahkan simpan” dengan perkataan “difailkan, diserahkan simpan atau diserahkan”; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan “ditetapkan oleh peraturan-peraturan atau diluluskan” dengan perkataan “ditentukan”;
- (i) dalam subseksyen (7), dengan menggantikan perkataan “secara elektronik dengan Suruhanjaya” dengan perkataan “dengan Suruhanjaya atau diserahkan kepada Suruhanjaya, secara elektronik”; dan
- (j) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan “secara elektronik dengan Suruhanjaya” dengan perkataan “dengan Suruhanjaya atau diserahkan kepada Suruhanjaya, secara elektronik”.

Seksyen baru 2F, 2G dan 2H

4. Bahagian I Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 2E seksyen yang berikut:

“Kuasa Suruhanjaya untuk menentukan bentuk dan cara menyimpan atau menyenggara buku-buku

2F. (1) Jika di bawah mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti mana-mana orang dikehendaki, atau kuasa diberikan kepada Suruhanjaya untuk menghendaki mana-mana orang, untuk menyimpan atau menyenggara apa-apa buku, Suruhanjaya boleh menentukan bentuk dan cara buku itu disimpan atau disenggara.

(2) Orang yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah mengambil segala langkah pencegahan yang munasabah, termasuk apa-apa langkah pencegahan yang ditentukan oleh Suruhanjaya, untuk mencegah kerosakan kepada, atau pemusnahan atau pemalsuan, buku itu.

Kuasa Suruhanjaya untuk mengakses buku-buku yang disimpan atau disenggara selain secara bertulis

2G. (1) Jika di bawah mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti, kuasa diberikan kepada Suruhanjaya untuk membenarkan Suruhanjaya memeriksa dan membuat salinan atau mengambil cabutan dari mana-mana buku yang dikehendaki di bawah mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti untuk disimpan atau disenggara, Suruhanjaya mempunyai akses kepada buku itu dan boleh—

- (a) mendapatkan buku itu yang dihasilkan semula secara jelas dalam bentuk bertulis; atau
- (b) menyalin atau memindahkannya kepada suatu alat penyimpanan atau rakaman.

(2) Bagi maksud seksyen ini, Suruhanjaya boleh menghendaki mana-mana orang yang terlibat dalam penyusunan buku itu, atau dalam penyimpanan atau rakaman buku itu dalam suatu alat penyimpanan atau rakaman, untuk membuat suatu kenyataan yang memberikan penerangan tentang bagaimana untuk mendapatkan akses kepada buku itu.

Kuasa Suruhanjaya untuk menghendaki supaya dikemukakan, dsb. buku-buku yang disimpan atau disenggara selain secara bertulis

2H. (1) Jika di bawah mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti, kuasa diberikan kepada Suruhanjaya untuk membenarkan Suruhanjaya menghendaki supaya dikemukakan, untuk menggeledah, menyita, mengambil milik, menjaga supaya tidak diganggu atau menahan mana-mana buku, Suruhanjaya boleh menghendaki supaya dikemukakan, menggeledah, menyita, mengambil milik, menjaga supaya tidak diganggu atau menahan mana-mana alat penyimpanan atau rakaman yang dalamnya buku itu disimpan atau dirakamkan.

(2) Bagi maksud seksyen ini, Suruhanjaya boleh menghendaki mana-mana orang yang terlibat dalam penyusunan buku itu, atau dalam penyimpanan atau rakaman buku itu dalam suatu alat penyimpanan atau rakaman, untuk membuat suatu kenyataan yang memberikan penerangan tentang bagaimana untuk mendapatkan akses kepada buku itu.”.

Pindaan seksyen 4**5. Seksyen 4 Akta ibu dipinda—***(a)* dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perenggan *(a)* perenggan yang berikut:

“(aa) seorang Timbalan Ketua Eksekutif;”
dan

- (ii) dalam perenggan *(c)*, dengan menggantikan perkataan “empat” dengan perkataan “tiga”; dan

- (b)* dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan “Menteri hendaklah melantik mana-mana anggota Suruhanjaya untuk” dengan perkataan “Timbalan Ketua Eksekutif hendaklah”.

Pindaan seksyen 15**6. Seksyen 15 Akta ibu dipinda—***(a)* dalam subseksyen (1)—

- (i) dalam perenggan *(f)*, dengan menggantikan perkataan “bursa,” dengan perkataan “syarikat pemegang bursa, bursa,”; dan

- (ii) dengan menggantikan perenggan *(h)* dengan perenggan yang berikut:

“(h) untuk memajukan dan menggalakkan perlakuan yang sesuai di kalangan organisasi peserta, peserta, gabungan, peserta depositori dan kesemua orang berlesen atau berdaftar sesuatu bursa, pusat penjelasan dan depositori pusat, mengikut mana-mana yang berkenaan;” dan

- (b)* dengan memasukkan selepas subseksyen (4) subseksyen yang berikut:

“(5) Bagi maksud seksyen ini, “peserta depositori” ertinya orang yang baginya seksyen 9 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositari Pusat) 1991 terpakai.”

Pindaan seksyen 22

7. Subseksyen 22(2) Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Pengerusi” perkataan “dan Timbalan Ketua Eksekutif”.

Pindaan seksyen 33D

8. Seksyen 33D Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memotong perkataan “(kemudian daripada ini disebut “orang yang ingkar”)”;
- (ii) dengan menggantikan perkataan “orang yang ingkar” di mana-mana jua terdapat, kecuali di perenggan (b), dengan perkataan “orang yang melanggar”;
- (iii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:
 - “(b) mengenakan suatu penalti, yang sepadan dengan beratnya atau beratnya kesan pelanggaran itu ke atas orang yang melanggar itu, tetapi dalam apa-apa keadaan tidak melebihi satu juta ringgit;”;
- (iv) dengan memotong perkataan “atau” di hujung perenggan (f);
- (v) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (g) dengan perkataan “; atau”; dan
- (vi) dengan memasukkan selepas perenggan (g) perenggan yang berikut:
 - “(h) menghendaki orang yang melanggar itu untuk mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya untuk meremedi pelanggaran itu atau mengurangkan kesan pelanggaran itu, termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan pelanggaran itu.”;

- (b) dalam subseksyen (2) dan (3), dengan menggantikan perkataan “orang yang ingkar” di mana-mana jua terdapat dengan perkataan “orang yang melanggar”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (3) subseksyen yang berikut:

“(4) Bagi maksud perenggan (1)(h), dalam menentukan sama ada atau tidak restitusi kena dibuat oleh orang yang melanggar, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—

- (a) keuntungan yang telah terakru kepada orang yang melanggar itu; atau
- (b) sama ada seorang atau lebih telah mengalami kerugian atau telah selainnya terjejas akibat pelanggaran itu.

(5) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menghalang Suruhanjaya daripada mengambil apa-apa tindakan yang Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mengambil di bawah Akta ini atau mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti terhadap orang yang melanggar itu.

(6) Bagi maksud seksyen ini—

“orang yang melanggar” ertinya seseorang yang gagal untuk mematuhi, menuruti, atau melaksanakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini atau Kod atau apa-apa arahan yang dibuat di bawah subseksyen 33A(4), dalam hal keadaan orang itu berkewajipan untuk berbuat demikian;

“pelanggaran” ertinya sesuatu kegagalan untuk mematuhi, menuruti, atau melaksanakan peruntukan-peruntukan Bahagian ini atau Kod atau apa-apa arahan yang dibuat di bawah subseksyen 33A(4), dalam hal keadaan terdapat suatu kewajipan untuk berbuat demikian.”.

Pindaan seksyen 45

9. Perenggan 45(3)(d) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “undang-undang, mana-mana kehendak kaedah-kaedah atau kehendak-kehendak penyenaaraan” dengan perkataan “undang-undang atau mana-mana kehendak kaedah-kaedah”.

Seksyen baru 151A

10. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 151 seksyen yang berikut:

“Peruntukan keterangan

151A. Dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil di bawah undang-undang sekuriti, apa-apa kenyataan yang dikatakan ditandatangani oleh Pengerusi atau mana-mana orang lain yang telah diwakilkan kuasa di bawah seksyen 17, yang menjadi sebahagian daripada atau dilampirkan kepada mana-mana surat, daftar, rekod atau dokumen, walau dengan apa jua cara dinyatakan, diperihalkan atau digambarkan, hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, menjadi keterangan mengenai apa-apa fakta dalamnya.”.

Pindaan seksyen 152

11. Seksyen 152(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Bahagian IV” dengan perkataan “undang-undang sekuriti”.

Pindaan seksyen 158

12. Seksyen 158 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2) dan (3), dengan memasukkan sebelum perkataan “Bahagian IV” di mana-mana jua terdapat perkataan “Bahagian I dan”;

(b) dalam subseksyen (5)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “di bawah” perkataan “Bahagian I dan”;

(ii) dengan menggantikan perenggan (b) dengan perenggan yang berikut:

“(b) mengenakan suatu penalti, yang sepadan dengan beratnya atau beratnya kesan kegagalan untuk melaksanakan mana-mana notis bertulis, pekeliling, syarat atau garis panduan, ke atas orang yang gagal untuk melaksanakan mana-mana notis bertulis, pekeliling, syarat atau garis panduan itu, tetapi dalam apa-apa keadaan tidak melebihi satu juta ringgit;”;

- (iii) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (f)(ii) dengan koma bertitik; dan
- (iv) dengan memasukkan selepas perenggan (f) perenggan yang berikut:

“(g) menghendaki orang yang gagal untuk melaksanakan mana-mana notis bertulis, pekeling, syarat atau garis panduan untuk mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh Suruhanjaya untuk meremеди atau mengurangkan kesan kegagalan itu, termasuk membuat restitusi kepada mana-mana orang lain yang terkilan dengan kegagalan itu.”; dan

- (c) dengan memasukkan selepas subseksyen (5) subseksyen yang berikut:

“(6) Bagi maksud perenggan (5)(g), dalam menentukan sama ada atau tidak restitusi kena dibuat oleh orang yang gagal untuk melaksanakan mana-mana notis bertulis, pekeling, syarat atau garis panduan, Suruhanjaya hendaklah mengambil kira—

- (a) keuntungan yang telah terakru kepada orang yang gagal untuk melaksanakan mana-mana notis bertulis, pekeling, syarat atau garis panduan; atau
- (b) sama ada seorang atau lebih telah mengalami kerugian atau telah selainnya terjejas akibat kegagalan untuk melaksanakan mana-mana notis bertulis, pekeling, syarat atau garis panduan.

(7) Suruhanjaya hendaklah memberikan notis bertulis kepada mana-mana orang yang telah gagal untuk melaksanakan mana-mana notis bertulis, pekeling, syarat atau garis panduan tentang niatnya untuk mengambil tindakan di bawah subseksyen (5) dan hendaklah memberikan orang itu peluang untuk didengar sebelum Suruhanjaya mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (5).

(8) Tiada apa-apa dalam seksyen ini boleh menghalang Suruhanjaya daripada mengambil apa-apa tindakan yang Suruhanjaya diberikan kuasa untuk mengambil di bawah Akta ini atau mana-mana peruntukan undang-undang sekuriti terhadap orang yang gagal untuk melaksanakan mana-mana notis bertulis, pekeliling, syarat atau garis panduan.”.

Pindaan Jadual 1

13. Jadual 1 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan 3, dengan memotong perkataan “yang tidak disenaraikan”;
- (b) dengan menggantikan perenggan 12 dengan perenggan yang berikut:

“12. Suatu tawaran atau pelawaan mengenai sekuriti yang sedia ada suatu perbadanan yang tidak disenaraikan yang dibuat kepada pemegang yang sedia ada bagi sekuriti itu.”;
- (c) dalam perenggan 13, dengan memotong perkataan “diperbadankan di luar Malaysia”; dan
- (d) dalam perenggan 14, dengan memotong perkataan “yang timbul daripada pemodalan keuntungan yang belum diasingkan”.

Pindaan Jadual 2

14. Jadual 2 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 21 dengan perenggan yang berikut:

“21. Suatu tawaran atau pelawaan yang dibuat kepada mana-mana pemberi hutang atau pemegang sekuriti suatu syarikat yang sedang menjalani suatu skim perkiraan atau kompromi di bawah seksyen 176 Akta Syarikat 1965 atau suatu skim penyusunan semula di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 [*Akta 587*] yang tidak boleh dilepaskan kepada mana-mana orang selain pemberi hutang atau pemegang sekuriti syarikat itu.”.

Pindaan Jadual 3

15. Jadual 3 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perenggan 21 dengan perenggan yang berikut:

“21. Suatu terbitan yang dibuat kepada mana-mana pemberi hutang atau pemegang sekuriti suatu syarikat yang sedang menjalani suatu skim perkiraan atau kompromi di bawah seksyen 176 Akta Syarikat 1965 atau suatu skim penyusunan semula di bawah Akta Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 1998 yang tidak boleh dilepaskan kepada mana-mana orang selain pemberi hutang atau pemegang sekuriti syarikat itu.”.

Peralihan dan kecualian

16. (1) Semua tindakan, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan, perintah, arahan, pemberitahuan, kelulusan, keputusan, garis panduan dan tindakan-tindakan eksekutif yang lain walau bagaimana jua dinamakan, dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau mengikut, atau menurut Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini, setakat yang disentuh oleh Akta ini hendaklah disifatkan telah dibuat, diberikan atau dilakukan di bawah, atau menurut, atau mengikut, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini, dan hendaklah terus kekal berkuat kuasa dan mempunyai kesan sepenuhnya berhubung dengan mana-mana pihak yang baginya ia terpakai sehingga dipinda, dibatalkan, dimansuhkan atau dihapuskan di bawah, mengikut, atau menurut, peruntukan yang bersamaan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini.

(2) Tiada apa-apa dalam Akta ibu atau peruntukan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini boleh menyentuh liabiliti mana-mana orang untuk didakwa atau dihukum bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ibu sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini atau mana-mana prosiding yang dibawa atau hukuman yang dikenakan sebelum hari itu berkenaan dengan kesalahan itu.

(3) Tiada apa-apa dalam Akta ini boleh—

(a) menyentuh kesahan mana-mana sekuriti yang diterbitkan sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini; atau

(b) terpakai berhubung dengan seseorang penerbit atau mana-mana orang lain berkenaan dengan mana-mana sekuriti yang telah diterbitkan atau ditawarkan bagi langganan atau pembelian atau berkenaan dengan suatu pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti yang telah dibuat sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini.

(4) Sekiranya apa-apa kerumitan timbul mengenai peruntukan yang dimasukkan atau dipinda oleh Akta ini dan peruntukan peralihannya, Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, membuat apa-apa ubah suaian dalam peruntukan-peruntukan ini yang tampak kepadanya perlu untuk mencegah anomali.